



BARISAN NASIONAL MALAYSIA (National Front Malaysia)

PENGERUSI

(Chairman)

KENYATAAN MEDIA

ISU 40 PERATUS PEMBERIAN KHAS NEGERI SABAH

1. Barisan Nasional (BN) menyambut baik keputusan Kerajaan Persekutuan yang menghormati prinsip *Pemberian Khas* berdasarkan 40 peratus hasil sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk tidak membuat rayuan terhadap Pemberian Khas ini merupakan langkah yang tepat dan selaras dengan semangat federalisme, serta menghormati hak rakyat Sabah yang telah dijamin sejak dahulu lagi.
3. BN turut mengambil maklum keputusan Mesyuarat Khas Jemah Menteri yang akan segera memulakan proses rundingan bersama Kerajaan Sabah bagi memastikan pelaksanaan Pemberian Khas ini dapat direalisasikan dengan penuh tanggungjawab dan ketelusan.
4. Sejak dari awal, BN sentiasa menjunjung kepentingan rakyat Sabah, mempertahankan hak-hak yang termaktub dalam perjanjian dan perlembagaan, serta berusaha memastikan setiap komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap negeri ini dilaksanakan secara adil dan berakauntabiliti.
5. BN akan terus konsisten memperjuangkan hak Sabah dan juga mana-mana negeri lain mengikut kerangka perundangan serta semangat Perlembagaan, demi memastikan Malaysia kekal stabil, makmur dan inklusif.

DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

12 NOVEMBER, 2025